

AHAD, 23 JULAI, 1978

MEMPOPULARKAN SENI SILAT ⁽³⁾

SENI silat, dalam konteks kehidupan moden sekarang ini, telah dapat diterima bukan saja sebagai sejenis seni mempertahankan diri tetapi juga sebagai salah satu bentuk riadah. Keadaan yang sama juga berlaku kepada seni mempertahankan diri lain-lain bangsa. Oleh itu tidak hairanlah jika seni-seni mempertahankan diri itu tidak lagi mempunyai warna bangsa tertentu, tetapi sebaliknya dipelajari oleh semua bangsa.

Walaupun seni silat belum begitu meluas dipelajari oleh lain-lain bangsa, tetapi langkah yang diambil oleh pertubuhan-pertubuhan budaya tempatan untuk memperkenalkan seni silat tertentu kepada orang-orang bukan Melayu, boleh dianggap sebagai langkah permulaan ke arah menjadikan seni silat popular seperti umpamanya karate atau taekwondo.

Keadaan ini tidak mustahil diwujudkan. Dan sebagaimana kata Dr. Ahmad Mattar adalah "besar faedahnya" jika ia dapat dilakukan. Tambahan pula seni silat memang "mempunyai tempat dalam masyarakat berbilang budaya" sebagaimana yang ditekan pula oleh Encik A. Rahim Ishak. Apa yang diperlukan ialah usaha yang lebih bersungguh-sungguh di pihak pertubuhan-pertubuhan budaya kita untuk memastikan tercapainya matlamat tersebut.

Andainya kaum-kaum di sini digalakkan mempelajari seni mempertahankan diri kaum-kaum yang lain, maka ia boleh membantu memperkuatkan hubungan antara mereka. Di samping itu sebarang kecurigian terhadap seni itu sendiri, jika ada, dapat dihilangkan.

Seni-seni mempertahankan diri boleh menambah ketangkasan jasmani, keyakinan pada diri sendiri dan menanam rasa bangga dalam hati orang-orang yang mempelajarinya. Tidak syak lagi aspek-aspek ini memang diperlukan oleh para belia kita. Dan kerana itu seni-seni itu perlu digalakkan — tetapi haruslah dengan kawalan yang rapi, sebagaimana yang telah kita lakukan sekarang.

Usaha Persekutuan Silat Singapura (Persisi) mengadakan Pesta Silat Kebangsaan haruslah dialu-alukan kerana ia sesuai dengan semangat untuk menggalakkan tumbuhnya minat untuk mempelajari silat di kalangan para belia kita — dan hendaknya juga di kalangan para belia bukan Melayu.

Hendaknya usaha ini akan diteruskan di masa depan, dan jika boleh, ditambah pula dengan mengadakan pesta-pesta yang lebih kecil di peringkat daerah-daerah bagi membolehkan penyertaan yang lebih ramai. Usaha-usaha lanjut dan tambahan seperti ini adalah perlu, kerana jika ia tidak dilakukan, maka kesan Pesta Silat Kebangsaan itu tidak akan dapat dirasakan.

PERTINGGI MUTU

KEPUTUSAN Persatuan Silat Singapura (Persisi) untuk mempertingkatkan mutu seni silat dengan mengawal guru-guru dan badan-badan silat adalah satu perkara yang memang perlu terutama ketika usaha-usaha sedang dijalankan untuk mempopularkan seni mempertahankan diri itu di sini.

Bagaimanapun sejauh mana usaha ini akan berhasil akan bergantung kepada kesungguhan pegawai-pegawai Persisi untuk memastikan kawalan itu berlaku disamping kerjasama dari guru-guru dan badan-badan silat dari bermacam jenis yang berada di luar Persisi, serta pertubuhan-pertubuhan seperti Persatuan Rakyat, Lembaga Penggalak Pelancungan dan hotel-hotel yang sering mengadakan pertunjukan-pertunjukan silat.

Mengawal kegiatan guru-guru dan badan-badan silat di sini tidaklah terlalu sukar untuk dilakukan antaranya kerana jumlah mereka dapat dikatakan tidak begitu banyak. Bagaimanapun apa yang perlu ialah guru-guru silat di sini hendaklah menghilangkan — jika ada — sebarang sikap mementingkan diri sendiri atau memandang rendah kepada orang lain. Mereka harus sedar bahawa usaha mempertingkatkan mutu dan mempopularkan seni silat hanya dapat dijayakan sekiranya ada usaha secara bersama dan bukannya secara sendiri-sendiri.

'BATU LONCATAN'

URA-URA Persekutuan Silat Singapura (Persisi) untuk mengadakan pertandingan pencak silat antara kawasanundi adalah satu wajar dalam usaha mempopularkan seni itu. Jika berjaya diadakan, ia mungkin boleh meninggalkan kesan yang lebih besar dari Pesta Silat yang diadakan setiap tahun untuk mencapai matlamat yang sama. Galakan terhadap penyertaan lain-lain kaum memang ada dilakukan oleh Persisi sebelum ini, tetapi pertandingan di peringkat kawasanundi ini dapat memberikan satu bentuk ujian terhadap sejauh manakah penerimaan masyarakat termasuk kaum-kaum lain terhadap silat, sama ada sebagai satu jenis seni mempertahankan diri atau sebagai sejenis sukan. Jika hasilnya positif, maka pertandingan itu boleh dijadikan sebagai 'batu loncatan' bagi seni silat untuk mendapatkan penerimaan yang lebih luas pula.